Persaraan perlukan persediaan lebih kukuh

Kuala Lumpur: Persaraan bukan lagi sekadar pengakhiran kepada alam pekerjaan, sebaliknya satu fasa kehidupan yang semakin panjang dan memerlukan persediaan kewangan serta sokongan sosial yang lebih menyeluruh.

Dengan jangka hayat rakyat yang semakin meningkat, kecukupan persaraan dan perancangan kewangan jangka panjang menjadi semakin penting bagi memastikan seseorang dapat menjalani kehidupan selepas bersara lebih bermakna. Dalam konteks ini, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kembali menganjurkan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa (ISWC 2026) yang memasuki edisi ke-13, bertemakan *The Long Horizon* pada 29 dan 30 September di Shangri-La Kuala Lumpur.

Persidangan itu bakal mengetengahkan perbincangan mengenai bagaimana peningkatan jangka hayat mengubah cara kita hidup, bekerja dan merancang persaraan serta keperluan memperkukuh sistem sokongan untuk penuaan sihat dan jaminan pendapatan selepas bersara.

Sesi perkongsian turut mengupas peningkatan jangka hayat dalam konteks Malaysia yang sedang menuju ke arah status negara menua, yang perlu dilihat bukan sekadar sebagai cabaran tetapi juga peluang untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan menggalakkan penyertaan sosial.

ISWC 2026 menghimpunkan pembuat dasar, pemimpin industri, penyelidik, ahli akademik dan pengamal dari dalam serta luar negara bagi berkongsi pandangan dan penyelesaian dalam memperkukuh kesejahteraan sosial serta daya tahan sosioekonomi negara.

Edisi kali ini akan menampilkan Nicola Palmarini, Pengarah National Innovation Centre for Ageing, United Kingdom; Profesor Emeritus Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin daripada Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) dan ramai lagi.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan antara pemimpin yang akan hadir pada persidangan berkenaan.

Dalam konteks simpanan persaraan, KWSP turut memperkukuh usaha ke arah kecukupan pendapatan persaraan menerusi Rangka Kerja Kecukupan Pendapatan Persaraan (RIA).

Semakan tahap simpanan di bawah RIA mengambil kira peningkatan kos sara hidup serta keperluan memastikan ahli mempunyai simpanan yang mencukupi untuk tempoh persaraan yang semakin panjang sejajar dengan peningkatan jangka hayat.

Antara perubahan yang diperkenalkan ialah pelarasan secara progresif terhadap pengeluaran bagi simpanan melebihi RM1 juta.

Ambang pengeluaran ini akan dinaikkan daripada RM1.1 juta pada 2026 kepada RM1.2 juta pada 2027 dan RM1.3 juta pada 2028.

Jumlah RM1.3 juta ini selaras dengan tahap Simpanan Dipertingkatkan, iaitu tahap tertinggi di bawah Rangka Kerja Kecukupan Pendapatan Persaraan (RIA) KWSP.

RIA menetapkan penanda aras simpanan berdasarkan keperluan pendapatan semasa persaraan, dengan mengambil kira anggaran perbelanjaan bulanan dan tempoh persaraan selama 20 tahun, dengan tiga tahap iaitu Simpanan Asas sebanyak RM390,000, Simpanan Mencukupi sebanyak RM650,000 dan Simpanan Dipertingkatkan sebanyak RM1.3 juta.

Pelarasan berkenaan bertujuan menyokong persediaan persaraan jangka panjang serta menggalakkan ahli mengekalkan simpanan yang mencukupi bagi menghadapi tempoh kehidupan selepas bersara yang lebih panjang.

Namun, persediaan menghadapi usia panjang tidak boleh ber-